

Almarhum Abdul Rahim Ibrahim

Dunia persuratan Melayu telah kehilangan Ahli pena yang terkenal – ‘Abdul Rahim Ibrahim.

Allahyarhamhu meninggal pada bulan Shā’ban yang lalu dirumahnya di Geylang Serai Singapura, dalam usia kira-kira 50 tahun.

Semasa hidupnya pernah berkhidmat dalam lapangan persuratkhabaran dan pendidikan, dan juga menjadi seorang mubaligh Islam. Dalam masa akhir-akhir ini beliau menjadi guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di Kolej Islam – Malaya.

Mudah-mudahan Allah cucuri rahmat dan tempatkan rohnyanya di dalam syurga jannah an-na’im serta diilhamkan sabar kepada kaum keluarga dan sahabat handainya.

Fatwa hendaklah membahas atas sesuatu fatwa itu tetapi keputusannya di dasarkan kepada hukum agama yang sah sebab itu tidaklah pada tempatnya sekiranya hanya diambil undi dan tidak pula ada hak Majlis mengeluarkan suatu fatwa mengikut pendapat suara yang terbaik di dalam sesuatu perkara mengenai agama Islam, hal seperti kerap kali berlaku. Sesuatu perkara mengenai hukum Islam, pada hal sepatutnya “halinya” (ulama) yang menentukan atau member pendapat itu bukan suara yang terbaik sebab banyak di antara ahli Majlis itu kelak bukannya terdiri daripada “ahli” di dalam hukum agama – dan kalau ketentuan agama diundi ertinya hukum itu akan rosak.

Di dalam cerai (4) – 32 juga bukan pada tempatnya diasaskan sesuatu fatwa agama mengikut cara suara yang terbaik dalam menentukan hukum Islam. Fatwa agama didasarkan hujah-hujah yang kuat didasarkan kepada kitab Allah dan sunnah.

Dalam cerai (1) -33 di sini nampaknya tidak tetap perdirian mengikut ikatan satu mazhab sahaja.

Hal ini kelak boleh menimbulkan sesuatu hal yang tidak digemari – yang mana payah ditinggalkan dan yang mana senang dipakai. Sebab itu hendaklah dikuatkan mengikut pengertian Shafi’i sahaja sedang kalau terbit perkara-perkara mengenai orang-orang yang bukan bermazhab dengan Shafi’i hendaklah diberi mengikut kedudukan mazhab mereka – tidak dibuat sesuatu fatwa boleh diambil selain daripada pengertian Shafi’i sekiranya yang demikian **berlawanan dengan kepentingan umum.**

Dalam cerai (3) – 33 nampaknya fatwa kerajaan adalah fatwa muktamad. Orang-orang Islam akan terikat (mesti mentaati) akan fatwa itu. Sekiranya terbit sesuatu perkara yang berselisih pengertian di dalam fatwa itu maka bagaimanakah keadaan orang-orang yang tidak menerima akan fatwa yang tersebut?

1)– 47perkataan seorang perempuan yang bernikah sepatutnya ditukar dengan perkataan seorang isteri.

(3)- 47 Timbul suatu pertanyaan apakah suami yang berhak menentukan besarnya tebus talak itu atau pun kerana sepanjang yang ada hanya suami yang menentukannya. Sebab

itu mahkamah kewajibannya hanya sebagai orang tengah – tidak bagi menetapkan.

(C) (3) – 54 ada disebut pembahagian harta.

Perkataan ini tersangat umum sebab itu berhajat kepada ketentuan iaitu adakah harta perkongsian (harta yang dicari bersama-sama). Hal ini mengenai pula untuk dijelaskan atas jenis harta pada bahagian 55.

(4)- 57 Yang di-Pertuan Negara akan melantik tiap-tiap tahun sekurang-kurangnya tujuh orang sebagai satu jemaah ulang bicara. Kuasa mutlak ini, kerana Yang di-Pertuan Negara tidak tertentu hanya seorang Islam maka patutlah di sana disebut bahawa “Yang di-Pertuan Negara, dengan nasihat Majlis, akan melantik . . .” dalam pada itu jaminan hendaklah diminta supaya orang-orang yang dilantik itu sebenarnya orang yang layak dan cukup mengerti dalam hal mengenai hukum-hukum agama – tidak diutamakan orang-orang parti sekalipun ia tidak cukup berkelayakan, seperti yang pernah terjadi. Ahli-ahli Melayu dalam Dewan undangan patuh menuntut jaminan dalam perkara ini kelak.

(3)- 59 Disebut bahawa Majlis boleh mentadbirkan wang dan boleh mendatangkan hasil daripadanya. Kerana ia wang daripada Islam yang mengharamkan riba maka hendaklah kelak dituntut jaminan bahawa wang-wang yang dikawal oleh Majlis janganlah dicari hasilnya di dalam jalan riba seperti wang yang ada kepada *Provident Fund* iaitu boleh dipinjamkan dengan mendapat bunga.

(2)- 60 Orang-orang Islam di Singapura faham dan mengetahui ada banyak wakaf-wakaf yang tidak dilaksanakan dengan sewajarnya mengikut wasiat yang berwakaf. Tetapi dalam pada itu masih banyak orang-orang menjalankan wakaf dengan betul. Sebab itu perkara Majlis akan mengambil atau menguasai semua wakaf-wakaf am atau khas adalah bertentangan dengan ajaran Islam, sebab wakaf-wakaf itu biasanya adalah menentukan pemegangnya dan orang-orang yang disukainya untuk menjalankan harta yang diwakafkan. Sekiranya diambil

kuatkuasa oleh kerajaan bukannya sahaja bertentangan dengan kelulusan syara' tetapi juga akan membawa 'aqibah orang tidak akan gemar dan galak berwakaf.

(3)- 60 Sepatutnya diberi tambahan keterangan Undang-undang Sipil itu.

(2)- 62 Pada keseluruhannya bahawa segala wakaf-wakaf yang hendak diwakafkan oleh seseorang, menurut undang-undang ini tidak sah dikecualikan Yang di-Pertua Majlis telah membenarkannya atau mengesahkannya dengan bertulis, atau telah dibuat oleh seseorang yang sakit di hadapan seorang daripada dua orang ialah Kadi atau Naib Kadi atau seorang yang tidak berhak menerima apa-apa wakaf itu.

Adakah hukum Islam menentukan atau menghalang seseorang berwakaf? Atau adakah seseorang tidak boleh membuat wakaf mengikut kemahuan selagi tidak melanggar hukum syarak? Ini patut dipandang sebagai suatu perkara yang menghalang orang-orang daripada membuat wakafnya.

63. Dalam cerai ini terang bahawa kuasa wakaf yang terletak kepada seseorang adalah diambil oleh Majlis. Syarat-syarat wakaf menurut Islam hendaklah ditentukan supaya kelak dengan perkataan ini maknanya tidak boleh diputar-putar.

(2) Di situ disebut habis tempoh. Manakah ada wakaf yang habis tempohnya? Harta-harta wakaf itu tidak ada ketentuan jangka waktu baginya.

Dalam bahagian (3) pula perkataan tidak cukup terang.

Mengenai zakat

Ada dua perkara dalam Rang Undang-undang ini yang mengenai zakat iaitu zakat fitrah dan zakat harta. Orang-orang Islam wajib memerhatikan dengan saksama di dalam hal yang bersabit dengan perkara ini. Umpamanya mengenai zakat. Zakat fitrah adalah pada zaman Nabi mengutamakan membantu orang-orang fakir dan miskin sungguhpun ada asnaf yang lain yang boleh diberi. Kerana itu tujuan-tujuan zakat

fitriah itu hendaknya tidaklah terlencong kepada yang lain umpamanya dilebihkan di dalam soal *fī sabīli Allāh*. Lalu diutamakan hasilnya untuk madrasah dan sebagainya serta *fuqarā' u wa al-masākīn* itu tidak diutamakan.

Mengenai zakat harta dan zakat perniagaan – adalah dikehendaki jaminan supaya sebelum dilaksanakan undang-undang ini hendaklah disusun dengan sempurna supaya jangan sebahagian sahaja yang dikenakan dan sebahagian lain tidak dikenakan. Sebelum kesiapan-kesiapan yang sempurna bagi melaksanakannya belum diadakan maka adalah diharap supaya kuatkuasa itu jangan dijalankan dahulu.

Di dalam ceraiian 74 dalam undang-undang ini jelas bahawa Majlis adalah berhak menentukan beberapa seseorang yang bakal dikenakan zakat sedang di dalam bahagian *income* tiap-tiap

keputusan daripada jabatan itu boleh dikemukakan kepada *Appeal Board* dan jika tidak berpuas hati boleh pula mengemukakannya kepada mahkamah. Demikian juga fatwa-fatwa mengenai dengan penentuan zakat ke atas industri patut diadakan sebagai suatu asas mentaksirkan kedudukan perusahaan itu.

Masjid dan Sekolah Agama

Di dalam ceraiian 76 dalam rang undang-undang itu terang disebut bahawa semua masjid akan diletakkan di bawah kuasa Majlis. Ertinya apabila kuatkuasa undang-undang itu berjalan segala pertadbiran masjid mestilah diserahkan oleh *trustee-trustee* masjid kepada Majlis. Kasarnya: kuasa nazir-nazir

Bersambung pada muka 39



Faḍīlah al-Shaykh Mahmoud Shaltut, Pengetua Universiti Azhar, sedang diraikan oleh Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman dalam suatu majlis jamuan yang permai di rumahnya di Kuala Lumpur, ketika beliau melawat secara rasmi Persekutuan Tanah Melayu baharu-baharu ini.

Undang-undang Pentadbiran Hukum Islam

sambungan dari muka 11

masjid itu dirampas.

Tiap-tiap masjid umumnya adalah daripada wakaf seseorang. Tiap-tiap wakaf itu ada syarat-syaratnya maka bagaimanakah kedudukan wasiat seseorang yang telah mewakafkan hartanya untuk masjid sekiranya daripadanya dan bertentangan dengan kandungan wasiat itu?

Dalam cerai (1) 77 seseorang tidak boleh mendirikan masjid, atau mewakafkan masjid atau menggunakan bangunan yang sedia ada dijadikan masjid dengan tidak izin yang bertulis daripada majlis. Jika seseorang melanggar hukuman ini ia akan dihukum didenda tidak lebih daripada sebanyak \$500 atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau pun hukumannya bersama-sama sekali (133).

Dengan adanya peraturan ini maka adalah menghalang seseorang yang hendak berbuat wakaf serta menghalang kebiasaan berwakaf bagi seseorang.

Dalam cerai 79 – majlis berhak merubah atau menolak sesebuah masjid sama ada kerana hendak mendirikan masjid lagi: tapak masjid itu atau pun kerana tujuan-tujuan yang lain atau pun kerana hendak dijual tetapi hasilnya tidak lain daripada kerana berdiri dan memperbaiki masjid – tidak yang lain daripada itu.

Cara-cara ini, bererti memutuskan amal jariah seseorang yang telah berwakaf. Harta-harta wakaf yang tertentu itu, sepanjang yang diketahui, tidak boleh diubah atau dipinda kerana ia bermakna memutuskan sama sekali hak-hak wakaf seseorang. Sebab itu bahagian ini boleh dimaknakan memutuskan amal jariah seseorang.

Dalam cerai (3) – 83, A – B, - adalah sangat memberatkan kepada pegawai-pegawai masjid. Mereka adalah ditanggungjawabkan atas kelakuan bagi ahli-ahli qariah

sesebuah masjid. Jawatannya telah sama sebagai penghulu.

Harus kelak jika terjadi sesuatu hal di dalam daerahnya maka mereka kelak akan dipertanggungjawabkan di atas perkara-perkara yang terjadi itu.

Di dalam cerai (2) – 92 ada mneyebut bahawa perkara ini ada penjelasannya pada akhir rang undang-undang ini.

Perkahwinan dan Cerai

Di dalam bahagian kahwin dan cerai ini, orang-orang awam patut menyelidiki dengan saksama dalam hal ini.

Di dalam bahagian (2) – 29 ada menyebut bahawa seseorang yang telah ada isteri hendak berkahwin lagi hendaklah (A) dikahwinkan oleh seorang kadi; (B) dengan izin yang bertulis daripada seorang kadi oleh wali perempuan yang hendak dinikahkan itu. Dan sebelum mendapatkan ini semuanya hendaklah kadi berpuas hati setelah menyiasat bahawa tidak ada apa-apa halangan yang sah menurut hukum Islam terhadap perkahwinan ini.

Sepanjang yang telah lalu, dalam perkara ini, bahawa kadi adalah tidak dibenarkan mengahwinkan seseorang yang ada isteri melainkan terlebih dahulu kadi berpuas hati tentang *malih*¹ dan seumpamanya bagi seseorang suami yang hendak berkahwin itu. Menurut sepanjang yang dikhabarkan kepada ...² dalam tahun 1960 hanya tiga perkahwinan lebih daripada satu telah diselenggarakan di Singapura oleh kadi itu pun setelah mencukupi syarat iaitu hendaklah ada izin daripada isterinya yang ada. Dalam tiga ini dikhabarkan, hanya seorang yang tepat mendapat izin, seorang kerana isterinya lama di Indonesia dan tidak dapat balik dan yang seorang (Sayyid Alwi Jamalulail) kerana terasa tidak dapat menahan dirinya – dan ia memberi surat pengakuan di hadapan kadi.

Dalam perkara yang akhir, telah timbul perkaranya di dalam Majlis Undangan Singapura bahawa kadi yang menikahkan dipandang salah mengikut hukum negeri sekalipun ia tidak bersalah di dalam hukum syarak. Dengan adanya ini maka dalam

¹ Tidak dapat disahkan apa maksudnya

² Tidak jelas dalam teks asal

fasal (3) – 92 harus kelak “diperintahkan” supaya berpuas hati itu ertinya hendaklah menjalankan syarat-syarat yang ada berjalan seperti pada masa yang lalu. Selain daripada itu sepatutnya ada takrif pengertian yang dikehendaki atas perkataan yang berbunyi “halangan yang sah menurut agama Islam” kerana kalau seorang perempuan janda umpamanya, reda berkahwin kepada seorang lelaki – yang mempunyai isteri, maka tidak mustahak lagi dicari kelulusan walinya dan tidak lagi dijadikan sebab kesanggupan lelaki itu di dalam tanggungannya sekiranya isterinya mampu atau sanggup menanggung dirinya.

(3) – 98 Seseorang kadi atau naibnya tidak boleh mendaftarkan sebarang perceraian atau rujuk kecuali ia berpuas hati setelah meyasat bahawa kedua-dua pihak suami dan isteri telah bersetuju berbuat demikian.

Perkataan ini boleh difahamkan bahawa perceraian hanya sah diterima dan didaftarkan semata-mata adalah setelah suami isteri bersetuju di atas perceraian itu. Dengan ini seorang suami boleh menceraikan isterinya kalau isteri tidak bersetuju diceraikan. Umpamanya terjadi sesuatu hal: “Seorang suami telah menceraikan isterinya di hadapan dua saksi – katanya – atau ceraikan engkau dengan talak satu. Menurut syarak gugur talak isteri itu tetapi di dalam undang-undang ini perceraian itu sah tetapi kadi tidak mau mendaftarkannya melainkan kedua-duanya – suami dan isteri bersetuju. Sekiranya dibuat mereka perceraian dengan tidak berdaftar maka pada fasal 127 mereka akan dikenakan hukum denda tidak lebih daripada - \$500.

(4) – 98 seorang kadi atau naibnya tidak boleh mendaftarkan sesuatu perceraian dengan talak tiga.

Kerana undang-undang ini diasaskan mengikut mazhab al-Imām al-Shafi‘ī maka apabila seorang suami berkata di hadapan dua saksi bahawa isterinya si anu aku jatuhkan talak dengan tiga talak maka adalah dihukumkan

ia telah jatuh talaknya tiga. Kemudian ia pergi, kepada kadi maka kadi tidak boleh mendaftarkan. Kalau tidak didaftarkan ia boleh dihukum denda tidak lebih daripada - \$500 (fasal 127). Cerainya sah dan bagaimanakah menurut mazhab al-Imām al-Shafi‘ī, ia boleh diusahakan supaya berbalik dan hidup bersama-sama semula.

(5) – 98 di sini, kalau kadi atau naibnya tidak berpuas hati atas perceraian atas perceraian talak tiga atau rujuk dan seumpamanya maka mereka hendaklah menyerahkan permohonan pendaftaran itu kepada Mahkamah Syariah.

Perkara ini sebenarnya hanya merumitkan sahaja pada keseluruhannya bahagian 98 ini adalah bertentangan dengan apa yang diluluskan syarak terutamanya dalam hal meminta persetujuan isteri untuk menceraikannya.

105 – Ada mengakui bahawa sah perkahwinan yang tidak berdaftar tetapi barang siapa tidak mendaftar menurut fasal (127) ia akan dihukum tidak lebih daripada \$500.

Harta

(1) – 110 di sini disebut nama buku-buku yang dijadikan tempat muraja’ah dalam hukum-hukum dan (2) Menteri boleh meminda atau menambah buku-buku yang disebutkan dalam fasal (1) – 110 itu.

Hukum agama sangat luas. Jika tempat muraja’ah hanya kepada buku-buku yang tersebut maka tidaklah patut diikuti sebegitu maka kerana itu sepatutnya dibuat bahawa tempat muraja’ahnya di dalam kitab-kitab fekah yang muktabar – tiada diikuti kepada kitab-kitab berbahasa Inggeris atau terjemahan daripada *Minhāj al-Ṭālibīn* – yang belum boleh dijamin bahawa terjemahannya betul apalagi pula kandungannya ada pula menerima bantahan-bantahan daripada golongan yang lain di dalam mazhab al-Imām al-Shafi‘ī.

Di dalam perkara pembahagian harta antara suami dan isteri dan lain-lainnya di dalam bahagian ini adalah mustahak dikaji semula – dan keterangan-keterangan mesti didapati dalam perkara undang-undang yang bukan Islam supaya

tiap-tiap seorang berpuas hati dengan apa yang dibuat.

Perkara ini mustahak dikaji semula.

Kesalahan-kesalahan

Undang-undang ini adalah semata-mata mengenai orang-orang Islam sahaja. Kerana itu hukuman-hukuman tentulah diadakan hukum-hukumnya.

Pembaca-pembaca dapat mengulang semula perihalnya. Yang mustahak diperhatikan ialah dalam cerai (1) – 131 bahawa seseorang yang bersekedudukan dengan seorang perempuan

enam bulan atau didenda tidak lebih daripada \$500.

Di sini hanya dikenakan terhadap Islam sama Islam tetapi jika seorang yang bukan Islam berkeadaan seperti itu bagaimana?

Di dalam mengenai zakat atau fitrah nampaknya tidak menyebut barang sedikit pun dalam bahagian zakat perniagaan.

Sekianlah serba sedikit perkara-perkara yang mustahak diperhatikan di dalam bahagian Rang Undang-undang Pertadbiran Hukum Islam 1960 ini. Lebih lanjut baca rencana baca pengarang



Pelajar-pelajar dari Sekolah Arab Kluang – Johor, yang telah luas dalam peperiksaan pasukan

St John Ambulance, Kluang baharu-baharu ini. Duduk dari kanan: Rubani Haji Yusuf, Haji Abdul Rashid

Haji Harun, Roslan Haji Idrus, Talib Haji Abdul Shukor, Haji Ambuk Anta Haji Abdul Latif.

Berdiri dari kanan: Abdul Aziz Haji Fataiba, Johori Darmawan, Haji Abdul Rahim Haji Daing Marfu,

Muhalli Abdul Fatah, Ansar Haji Tahir, Sharif Sastro, Yurani Yusuk dan Qarnain Abu Ghabas.